

06 FEB 1998

Mahathir-Ramos

MAHATHIR, RAMOS BERSETUJU MENGENAI SKIM MATA WANG ASEAN

MANILA, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Fidel Ramos mencapai persetujuan untuk menggunakan mata wang Asean dalam perdagangan antara negara Asean.

"Presiden Ramos berminat kepada idea itu," kata Dr Mahathir selepas pertemuan dengan pemimpin Filipina itu di Istana Malacanang bagi membincangkan krisis mata wang Asia.

Perdana Menteri tiba di sini dari Bangkok yang juga menyokong skim berkenaan sebagai sebahagian kerjasama serantau.

Dr Mahathir berkata Malaysia, Filipina dan Thailand akan menjadi kumpulan utama bagi meneruskan penggunaan mata wang mereka bagi membuat pembayaran bagi import-eksport.

Beliau berkata gabenor bank pusat ketiga-tiga negara Asean itu akan bertemu tidak lama lagi bagi merangka mekanisme melaksanakan skim itu.

Mengenai cadangan untuk menggunakan dolar Singapura sebagai mata wang tunggal Asean, Dr Mahathir memberitahu pemberita "kita sedang mengkajinya.

Tetapi, beliau buat masa, kami akan menggunakan mata wang individu dalam pembayaran barangan yang diniagakan antara Malaysia, Filipina dan Thailand.

Dr Mahathir berkata beliau dan Ramos juga bersetuju bahawa Asean harus mengamalkan pendirian bersama apabila mengemukakan kes mengenai krisis mata wang kepada badan-badan antarabangsa.

Ketika ditanya sama ada beliau akan memasukkan Tabung Matawang Antarabangsa, beliau berkata "sesiapa sahaja."

Dr Mahathir berkata beliau dan Ramos bersetuju untuk meningkatkan perdagangan antara Asean untuk membolehkan rantau itu menangani krisis mata wang Asia.

Dari Manila, Dr Mahathir akan berlepas ke Singapura untuk menemui Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong untuk membincangkan perkara yang sama. -- BERNAMA

ALJ FAZ